

BADIUZZAMAN SAID NURSI PENERUS PERADABAN INSAN. Oleh Rahimah Embong, Fadzli Adam, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad dan Hanif Md Lateh @ Junid. 2018. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin: Kuala Terengganu. ISBN: 978-967-2231-09-7.

Buku yang bertajuk “Badiuzzaman Said Nursi: Penerus Peradaban Insan” ialah rangkuman koleksi kertas kerja yang telah dibentangkan dalam siri Persidangan Antarabangsa Pemerkasaan Peradaban Islam Abad ke-21 (ICIC) anjuran Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) pada tahun 2015. Buku ini mengandungi tiga belas bab yang membincangkan isu-isu ketamadunan berkaitan peradaban Islam yang telah dibincangkan oleh Said Nursi, sama ada dalam penulisan atau ceramah-ceramah beliau.

Said Nursi sendiri merupakan seorang ulama serta tokoh pemikir terkemuka yang hidup di akhir kejatuhan Khilafah Turki Uthmaniyyah dan di awal pembukaan kerajaan Republik Turki. Ia dilahirkan pada tahun 1877M di sebuah perkampungan kecil bernama Nurs, Anatolia bahagian Timur, Turki. Said Nursi menghembuskan nafas terakhirnya di Hotel Ipek Palas dan berpulang ke rahmatullah pada 23 Mac 1960M bertepatan dengan 25 Ramadan 1379H pada usia 83 tahun. Jenazahnya kemudian dikebumikan di permakaman Halilurrahman Dergah, kompleks perkuburan Nabi Ibrahim a.s. di wilayah Urfa.

Namun demikian selepas dua bulan jasad Nursi dikuburkan, kerajaan junta militer yang berjaya mengambil alih kerajaan dari Parti Demokrat melalui kudeta pada 27 Mei 1960M mengkhawatirkan kemungkinan berlakunya kekecohan di Urfa kerana para penuntut *Rasa'il al-Nur* dan para pencinta Nursi yang datang setiap hari memenuhi permakaman tersebut. Para penziarah itu tidak hanya datang dari wilayah Turki Timur namun mereka juga datang dari negara seberang dengan melintasi sempadan selatan Turki. Atas alasan keselamatan inilah mayat Nursi akhirnya dipindahkan oleh kerajaan militer ke tempat yang dirahsiakan dan tidak diketahui oleh siapa pun pada 12 Julai 1960M. Termasuklah Abdul Mecit, adik kepada Nursi, yang dengan terpaksa menandatangani surat persetujuan untuk memindahkan perkuburan Nursi ke tempat yang tidak dia ketahui.

Para ilmuwan sezaman Nursi turut mengakui ketokohan, keunggulan ilmu dan peribadi beliau dalam pelbagai aspek. Sebagai hasil penulisan *magnum opus* beliau, *Rasa'il al-Nur*, telah memberi sumbangan yang besar terhadap pembinaan insan serta kelangsungan peradaban masa kini. Sehingga kini karyanya terus diterjemahkan kepada lebih dari 70 bahasa dunia dan idea serta pemikiran beliau terus menjadi bahan penyelidikan dan kajian.

Dalam bab pertama, buku ini menyentuh kepada *Latar Belakang Badiuzzaman Said Nursi dan Rasa'il al-Nur*. Bab ini telah memberi tumpuan tentang biografi kehidupan Badiuzzaman Said Nursi yang merangkumi kehidupan Nursi daripada kecil sehingga beliau meninggal dunia. Kehidupan Nursi telah dibahagikan kepada tiga zaman iaitu Era Said Lama, Era Said Baru dan Era Said Ketiga. Nursi telah hidup dan menempuhi zaman kejatuhan Uthmaniyyah sehinggalah zaman pemerintahan Kamal Atatürk. Salah satu daripada hasil kepengarangan Badiuzzaman Said Nursi iaitu kitab “*Rasa'il al-Nur*” turut dibincangkan dalam bab ini yang melihat daripada permulaan proses penulisan sehingga muncul karya agung tersebut.

Artikel berikutnya bertajuk *Strategi Pengukuhan Dialog Peradaban Menurut Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi* yang disusun sebagai bab kedua buku ini. Dialog peradaban merupakan satu bentuk interaksi antara dua atau lebih peradaban dunia yang mampu

membawa kepada kesejahteraan dan keamanan sejagat. Bab ini mengetengahkan pemikiran Nursi yang terkenal dengan idea kemanusiaan sejagat dalam karya agungnya *Rasa'il al-Nur*. Bab ini mengemukakan bahawa sistem pendidikan yang diamalkan, kerjasama antara agama dan dialog yang beretika sangatlah diperlukan untuk merealisasikan nilai-nilai positif dalam dialog peradaban. Proses ini perlulah berterusan dan lebih meluas tidak boleh terhenti sekadar perbincangan akademik di pentas seminar, bengkel dan sebagainya semata-mata. Bab ini juga membuktikan bahawa Islam mempunyai gagasan yang jelas dalam isu-isu yang berkaitan dengan hubungan antara peradaban dunia semenjak 1400 tahun yang lalu.

Bab ketiga bertajuk *Pemikiran Akidah Badiuzzaman Said Nursi Menurut Pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang tokoh yang cemerlang dalam usaha mengukuhkan akidah umat Islam. Pengukuhan aspek ini terbukti melalui beberapa penulisan Said Nursi. Malah, akidah yang diperjuangkan bertepatan dengan pendekatan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Bab ini telah mendedahkan sumbangan Nursi dalam mengukuhkan akidah Sunni. Penulis telah melakukan analisis terhadap pelbagai sumber seperti buku, artikel dan karya Said Nursi iaitu *Rasa'il al-Nur*. Artikel ini turut membuktikan bahawa Nursi telah berjuang dan menyumbang dalam pengukuhan akidah melalui penulisan, ucapan dan risalah yang masih lagi selaras dengan amalan yang dilakukan oleh majoriti Sunni islam pada hari ini.

Bab keempat pula bertajuk *Tarekat Sufi Satu Keperluan Zaman: Sorotan Pandangan Badiuzzaman Said Nursi*. Bab ini telah menyoroti pandangan yang digariskan Nursi terhadap keperluan kepada tarekat sufi dalam kehidupan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah, seterusnya mengenal pasti kepentingan institusi tersebut dalam memurnikan akidah Muslim. Melalui penulisan bab lima, penulis mendapati kesufian pada kaca mata Nursi adalah perjalanan mengenali Tuhan, mencari keyakinan kebenaran akidah serta melaksanakan anjuran al-Quran dan al-Sunnah. Bab ini menyimpulkan bahawa tarekat sufi mempunyai peranan besar sebagai institusi yang memberi didikan tambahan serta menjadi amalan pelengkap kepada kerohanian Muslim, terutamanya pada era perkembangan teknologi dan pasca moden ini. Selain itu, tarekat sufi mesti sentiasa mengutamakan penerapan nilai tauhid yang mampu membendung pelbagai masalah dalam kalangan masyarakat muslim di zaman pergolakan akidah dan pemikiran.

Bab kelima pula bertajuk *Fana' Menurut Wacana Badiuzzaman Said Nursi dalam Mencapai Kesempurnaan Hidup Tamadun Manusia*. Bab ini mengetengahkan elemen konsep fana' yang ditonjolkan oleh Badiuzzaman Said Nursi sebagai tokoh sufi dan negarawan abad ke-20M dalam mencapai kesempurnaan hidup bertamadun. Penulis merumuskan istilah fana' yang difahami oleh Badiuzzaman Said Nursi banyak dicorak oleh pemikiran kesufian Shaykh Ahmad al-Sirhindi dan Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani. Konsep fana' menurut Nursi bukan hanya tertumpu kepada Allah s.w.t. malah lebih bersifat komprehensif. Bab ini juga menyimpulkan bahawa istilah *wahdah al-wujud* yang diguna pakai oleh tokoh Sufi muktabar sebenarnya merujuk kepada makna *wahdah al-syuhud* dan bukannya merujuk kepada makna *hulul* dan *ittihad* sepertimana yang difahami oleh golongan ajaran sesat dan menyeleweng, yang menyifatkan Allah s.w.t. sebagai sama dan bersatu dengan makhluk-makhlukNya.

Bab seterusnya bab enam ialah *Al-Uswah dalam Pendidikan Kerohanian satu Pendekatan oleh Badiuzzaman Said Nursi*. Penulis telah mengetengahkan pendekatan *al-Uswah* yang diperkenalkan oleh Badiuzzaman Said Nursi dalam pendidikan kerohanian menerusi karyanya *Rasa'il al-Nur*. Bab ini turut mendedahkan *al-Uswah* yang ditonjolkan bukan

sahaja datang menerusi al-Quran dan keperibadian Rasulullah s.a.w. tetapi turut digarap oleh Nursi serta keluarganya. *Al-Uswah* tidak hanya meliputi satu aspek sahaja tetapi merangkumi konteks lebih luas seperti akhlak, pendidikan, dakwah dan sebagainya. Kesemua aspek tersebut bermula daripada proses penghayatan melalui al-Quran dan al-Sunnah. Bab ini turut mengemukakan pendekatan Nursi yang wajar diangkat sebagai satu kaedah dalam pendidikan kerohanian untuk membentuk jati diri yang unggul bagi melahirkan mukmin yang sejahtera di dunia dan akhirat.

Penulisan seterusnya dalam bab ketujuh bertajuk *Tajdid dalam Pemikiran Sufi Menurut Badiuzzaman Said Nursi*. Bab ini merupakan bingkisan daripada suasana politik baharu yang diperkenalkan oleh Kamal Ataturk di Turki yang berbentuk pemerintahan sekular. Nursi dalam mendepani ancaman sekularisasi telah memikirkan satu kaedah terbaik bagi mengembalikan semula kekuatan dan perpaduan umat Islam. Kaedah yang diperkenalkan beliau adalah melalui pendekatan *tajdid* atau pembaharuan dalam bentuk kesedaran tentang pentingnya kembali kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Penulis telah mendalami bentuk *tajdid* dalam pemikiran sufi yang dilakukan Nursi melalui rujukan terhadap hasil pengarangannya iaitu *Rasa'il al-Nur*.

Bab kelapan pula bertajuk *Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi dalam Aspek Akidah*. Bab ini memberi fokus terhadap Said Nursi dari segi pendirian akidah yang utuh dan mampu dijadikan teladan oleh generasi berikutnya. Penulisan bab ini telah memberikan tumpuan tentang biodata dan sejarah kehidupan Nursi yang memperlihatkan impak kefahaman akidah yang mengagumkan melalui kata-katanya atau tindak balas yang diberikan apabila menyentuh soal akidah. Penulis turut mengemukakan sebahagian contoh tulisan beliau yang berkaitan akidah khususnya tentang ketuhanan dalam karya-karyanya.

Penulisan bertajuk *Hakikat Cinta Menurut Pemikiran Kesufian Badiuzzaman Said Nursi* telah disusun sebagai bab kesembilan. Bab ini mengemukakan konsep hakikat cinta menurut Badiuzzaman Said Nursi menerusi karya-karya beliau. Penulis telah mengutarakan pembahagian perbincangan yang dilakukan oleh Said Nursi terhadap hakikat cinta yang dirangkumkan dalam empat perbincangan utama. Perbincangan pertama adalah pertembungan cinta dengan unsur-unsur nafsu kemanusiaan. Kedua, merasai keindahan perasaan cinta. Ketiga, akal dan hati boleh tewas ketika berhadapan dengan hawa nafsu. Keempat, manusia boleh meningkatkan rasa cinta ketuhanan sehingga mencapai kepada aras cinta yang paling tinggi. Bab ini telah merumuskan bahawa hakikat cinta sebenar hanya layak disemai kepada Allah s.w.t., *al-Khaliq* iaitu pencipta yang Maha Agung. Semaian ini perlu disuburi dan dipertingkatkan agar seseorang hamba itu sentiasa dapat mencapai perasaan *taqarrub* terhadap Allah s.w.t.

Bab sepuluh pula bertajuk *Perbezaan Karamah dan Ikram Ilahi Menurut Pandangan Badiuzzaman Said Nursi*. Bab ini membincangkan pandangan Nursi terhadap konsep *karamah* dan perbezaannya dengan *ikram Ilahi*, serta menganalisis faktor perbezaan pandangan dalam kalangan ulama. Penulis mendapati bahawa majoriti ulama *Ahl al-Sunnah* menerima *karamah* pada diri seseorang hamba Allah s.w.t. yang *siddiq* dan taat menepati syariat. Penulis juga mengemukakan bahawa *ikram Ilahi* menurut Nursi merupakan jenis *karamah* yang lebih halus dan mulia, yang dianugerahkan kepada hamba terpilih (*wali Allah*) dalam usaha menegakkan kebenaran serta tiada kewajipan baginya untuk menyembunyikan kelebihan itu daripada pengetahuan orang lain.

Perbahasan tentang perbezaan *karamah* dan *ikram Ilahi* dalam bab ini turut didedahkan penulis dengan memberikan contoh-contoh yang merujuk kepada sumber penulisan para ulama yang *muktabar*. Seperti penjelasan mengenai *karamah* yang mengambil contoh kisah dua Sahabat Rasulullah s.a.w., Usayd bin Khudayr dan ‘Itab bin Bashir yang berjalan di tengah-tengah kegelapan malam selepas pulang menjumpai Baginda Nabi, tiba-tiba salah satu tongkat daripada dua orang Sahabat tersebut mengeluarkan cahaya terang seperti lentera yang menerangi jalan mereka.

Adapun contoh daripada *ikram Ilahi* yang dirasakan oleh Said Nursi ialah kisah perjuangan Nursi dalam menyelamatkan keimanan di Turki dengan menulis *Rasa’il al-Nur* di masa-masa yang cukup sukar. Pada ketika itu Nursi mendepani pertentangan pihak kerajaan sekular di bawah kepimpinan Mustafa Kamal yang menentang dakwah Islam serta cabaran keselamatan dunia Islam selepas berlakunya Perang Dunia I. Sebab pada masa itu, Nursi turut berjihad berperang melawan penjajah Rusia yang menceroch Turki Timur dengan serangan militernya. Setelannya Nursi pun turut dipenjarakan dan diasingkan selama lebih kurang 25 tahun bagi memberi sekatan kepada dakwah *Rasa’il al-Nur* dan tersebarnya pemikiran Nursi dalam membela dan membangkitkan semula kekuatan umat Islam.

Bab sebelas merupakan bab terakhir yang membawa tajuk *Peningkatan Populasi Wanita dan Kaitannya dengan Fitnah Akhir Zaman Menurut Rasa’il al-Nur*. Bab ini dimulakan dengan pandangan yang diutarakan Badiuzzaman Said Nursi dalam karyanya *Rasa’il al-Nur* berdasarkan hadis mengenai peningkatan populasi wanita yang meliputi aspek perkahwinan, penceraihan, peningkatan kematian lelaki, keterlibatan wanita dalam pemerintahan dan isu gender masa kini. Penulis mendapati bahawa peningkatan populasi wanita pada masa kini dipengaruhi oleh kelima-lima aspek yang telah dinyatakan oleh Nursi. Hal ini sekaligus menunjukkan kelima-lima aspek tersebut mempunyai kaitan dengan perbincangan mengenai tanda-tanda kiamat berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang diangkat oleh Nursi dalam risalahnya “*Asharat al-Sa’ah*” di dalam karyanya *Rasa’il al-Nur*.

Artikel-artikel yang terdapat dalam buku ini kebanyakannya memberikan fokus kajian mengenai aspek akidah serta perbahasan tarekat dan kesufian dalam pandangan Said Nursi. Perbahasan secara khas tentang pemikiran sufi Said Nursi setidaknya dapat dijumpai dalam enam tajuk perbahasan, yakni dalam bab ke-4 sampai ke-10. Sehingga dapat dikatakan bahawa separuh daripada tajuk dalam buku ini membincangkan mengenai tema kesufian dan pemikiran bidang rohani (*spirituality*) menurut Said Nursi.

Sebab itulah yang juga menjadi kelemahan daripada buku ini ialah tidak membincangkan isu-isu lain yang cukup dikenali sebagai hasil pemikiran dan gagasan cemerlang Said Nursi seperti pemikiran Nursi dalam bidang pendidikan, perpaduan antara ilmu agama dengan sains moden serta pelbagai pandangan Nursi berkaitan dengan tafsir alquran, kemukjizatan alquran serta perbahasan tentang tema kenabian (*al-nubuwwah*).

Namun demikian buku ini cukup layak untuk dibaca dan menjadi bahan perbincangan tidak hanya di forum-forum akademik tetapi juga di kalangan umat Islam secara luas. Justeru buku ini dapat menjadi bahan berharga untuk terus dikembangkan dan dikaji lebih mendalam. Sebab buku ini telah menjelaskan pemikiran dan gagasan Badiuzzaman Said Nursi mengenai peradaban insan dengan cukup baik, yakni utamanya mengenai aspek kerohanian (*spirituality*) manusia serta kesufian sebagai satu keperluan di zaman moden ini. Selain itu tema dialog peradaban juga cukup relevan pada masa kini di tengah kepelbagaian dan

kemajemukan masyarakat dunia yang berdepan konflik dan perpecahan disebabkan adanya perbezaan agama, budaya mahupun kerana isu perkauman.

Muhammad Faiz

Jabatan Sejarah Peradaban Islam

Fakulti Ushuluddin, Adab dan Humaniora

Institut Agama Islam Negeri Jember (IAIN Jember)